

# Dr. M setuju temui 'orang tengah'

KUALA LUMPUR 1 Julai - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersetuju untuk bertemu "orang tengah" bagi menjernihkan hubungannya dengan kepimpinan negara sekarang, kata Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.

Beliau memberitahu *Bernama* di sini hari ini bahawa Dr. Mahathir menyatakan perkara itu dalam pertemuannya dengan bekas Perdana Menteri di kediamannya malam tadi.

"Saya menyatakan kepada Dr. Mahathir bahawa adalah sukar untuk Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menemuinya secara

**"Dr. Mahathir bersetuju menerima orang tengah itu yang saya sebutkan namanya sebagai orang yang Tun sayangi**

-Zainuddin Maidin

persendirian kerana Tun telah menampakkan sikap tidak senang sebelum ini terhadap Perdana Menteri," katanya.

Zainuddin berkata, dalam pertemuan itu beliau menyatakan adalah perlu untuk orang tengah menemui Tun terlebih dahulu, dalam usaha untuk menyelesaikan masalah seka-

rang.

Menteri Penerangan itu berkata, pada pertemuan tersebut beliau telah menyebut nama orang tengah itu.

"Dr. Mahathir bersetuju menerima orang tengah itu yang saya sebutkan namanya sebagai orang yang Tun sayangi," kata Zai-

nuddin tanpa mendedahkan nama individu berkenaan.

Semalam, Zainuddin berkata, penyelesaian masalah itu adalah sesuai dengan semangat dan hasrat yang wujud di akar umbi UMNO di seluruh negara yang bimbang dengan perkembangan yang berlaku.

Selain itu, beberapa pemimpin dan bahagian UMNO di seluruh negara juga melahirkan hasrat supaya Majlis Tertinggi (MT) UMNO menyelesaikan salah faham membabitkan Dr. Mahathir dan Perdana Menteri itu secara berhemah dan cepat dan tidak diambil kesempatan oleh mana-mana pihak untuk menimbulkan keadaan nega-

tif.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali, dalam kenyataannya semalam juga optimis masalah antara Dr. Mahathir dan Perdana Menteri boleh diselesaikan dengan bijaksana, asalkan tidak wujud anasir luar.

Sejak akhir-akhir ini, Dr. Mahathir langsung mengkritik kerajaan pimpinan Abdullah antaranya kerana tidak berpuas hati dengan beberapa keputusan kerajaan seperti membatalkan beberapa projek yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri itu.

- Bernama,